

B B391 BAH
MAHATHIR - PEMBANGKANG R R R

PULAU PINANG, 30 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATI RAKYAT SUPAYA JANGAN MENGGADAIKAN MASA DEPAN MEREKA KERANA INGINKAN SUARA PEMBANGKANG DI DEWAN RAKYAT DAN DEWAN-DEWAN UNDANGAN NEGERI.

KATANYA SUARA PEMBANGKANG HANYA SETAKAT DAPAT +BERTERIAK DAN MARAH-MARAH+ DAN CARA ITU TIDAK BERKESAN DALAM MEMASTIKAN KAWASAN-KAWASAN MEREKA MENDAPAT PEMBANGUNAN.

PERDANA MENTERI BERKATA PERWAKILAN YANG PALING BERKESAN IALAH PENYERTAAN DALAM BARISAN NASIONAL.

+SEORANG WAKIL RAKYAT BARISAN TIDAK PERLU MENJERIT-JERIT UNTUK MENDAPAT PERHATIAN KERAJAAN KERANA MEREKA BOLEH BERBISIK KEPADA SAYA ATAU MENULIS SURAT SERTA MENYUARAKANNYA MELALUI KETUA-KETUA PARTI MASING-MASING,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN PASAR BATU LANCHANG DAN BALAI RAYA BERTARAF \$5.5 JUTA DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BN MAHU SEMUA RAKYAT KALAU BOLEH, MENJADI KAYA KERANA KEKAYAAN MEREKA AKAN MENGUNTINGKAN KERAJAAN DAN NEGARA. -- LAGI.

2017MST 30 07 86

B B392 BAH
MAHATHIR - PEMBANGKANG 2 PULAU PINANG R R R

KERAJAAN YANG KAYA AKAN DAPAT MEMBANTU RAKYAT SEPERTI MENGADAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN, PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN ASAS, KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU BERKATA RAKYAT TIDAK SEHARUSNYA BERIRI HATI TERHADAP ORANG-ORANG KAYA KERANA MEREKA MENYUMBANGKAN 40 PERATUS DARIPADA PENDAPATAN MEREKA MELALUI CUKAI PENDAPATAN.

MENGENAI SETIAUSAHA AGUNG DAP ENCIK LIM KIT SIANG YANG BERTANDING DI KAWASAN PARLIMEN TANJUNG, BELIAU MENASIHATI PARA PENGUNDI SUPAYA JANGAN TAKUT AKAN KEHILANGAN KETUA PEMBANGKANG KERANA BANYAK ORANG LAGI BOLEH MENGGANTIKAN ENCIK LIM.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENASIHATI PARA PENGUNDI SUPAYA JANGAN MENGSIA-SIAKAN UNDI MEREKA KERANA PILIHAN RAYA BUKAN BERTUJUAN MEMENANGKAN MANA-MANA CALON TETAPI YANG LEBIH PENTING IALAH MENENTUKAN BAHAWA KERAJAAN YANG DITUBUHKAN IALAH SEBUAH KERAJAAN